



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH KERIAN

MODUL NAJAH







PENDIDIKAN ISLAM



SPM 2023

Ahli Panel



-  Ustazah Rohasliza binti Wahat
-  Ustaz Mohd Nizam bin Saidin
-  Ustazah Nafsiah binti Othman
-  Ustaz Mohd Sukri bin Mohd Yunus
-  Ustazah Afizatul Aini binti Idris
-  Ustazah Norhaniza binti Sulaiman



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH KERIAN

Prakata Tuan PPD Daerah Kerian.



Assalamualaikum warahmatullah hiwabarokatuh dan salam “*Sentiasa Bersama. Kerian Ternama*”. Setinggi-tinggi kesyukuran dizahirkan kepada Allah Yang Maha Agung atas limpahan kasih sayang-Nya, Modul Najah Pendidikan Islam SPM 2023 di Daerah Kerian dapat direalisasikan.

Pujangga ada menyatakan ‘*bukan mudah, hendak mudah*’, namun hasrat saya terhadap warga pendidikan daerah kerian adalah “*Sederap Bersama*” dalam menayakan dan mencemerlangkan pelajar Daerah Kerian.

Penghasilan Modul Najah Pendidikan Islam SPM 2023 gabungan idea yang padu pegawai meja mata pelajaran, pegawai-pegawai di PPD dan guru-guru pakar yang merupakan jurulatih negeri dan jurulatih Daerah dalam membantu menggarap idea dalam merealisasikan penghasilan bahan yang bermutu ini. Selain itu, Modul Najah juga merupakan sebahagian wadah pendidikan dalam memastikan kemenjadian murid-murid secara holistik dapat diterjemahkan dalam pendidikan sebenar.

Oleh itu, besarlah harapan saya Modul Najah ini menjadi bahan pilihan yang diguna pakai oleh semua guru Pendidikan Islam di Daerah ini.

Setinggi-tinggi ucapan tahniah dan jutaan terima kasih saya kalamkan kepada Sektor Pembelajaran, Pegawai SISC+ Sains Sosial, Penolong PPD Pendidikan Islam, Unit Sumber Teknologi Pendidikan PPD Kerian, dan para Jurulatih mata pelajaran Pendidikan Islam, serta pihak yang terlibat secara langsung.

Semoga usaha murni ini dapat menjadi satu inspirasi kepada semua guru dan murid di Daerah Kerian, Perak dalam memastikan kemenjadian dalam kurikulum. Akhir kata dari saya, bersama-samalah kita memohon keberkatan dan kekuatan daripada Allah SWT semoga kejayaan menjadi milik kita kerana persiapan terbaik untuk esok adalah melakukan yang terbaik untuk hari ini.

Mohd Paku Ruzi bin Min
Pegawai Pendidikan Daerah Kerian.

**REKOD PERKEMBANGAN PENTAKSRAN
MODUL NAJAH**



MODUL	UJIAN 1		UJIAN 2		UJIAN 3	
	GRED	MARKAH	GRED	MARKAH	GRED	MARKAH
MODUL 1						
MODUL 2						
MODUL 3						
MODUL 4						



**MODUL NAJAH SPM SET 1
PENDIDIKAN ISLAM**

Masa: 2 jam 30 Minit

Kertas 1 (1223/1)

(100 Markah)

Jawab *semua* soalan

1. (a) Firman Allah SWT:

﴿أَجْعَلْتُمْ سِقَايَةَ الْحَاجِّ وَعِمَارَةَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ كَمَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَجَاهِدَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ لَا يَسْتَوُونَ عِنْدَ اللَّهِ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ﴾ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ أَكْظَمُ دَرَجَةً عِنْدَ اللَّهِ وَأَوْلِيكَ هُمُ الْفَائِزُونَ ﴿٥٠﴾

Ayat di atas menerangkan tuntutan pelaksanaan Fiqh al-Aulawwiyat dalam kehidupan.
Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Apakah maksud Fiqh al- Aulawiyyat? (2 markah)
- (ii) Jelaskan **dua** kepentingan Fiqh al-Aulawiyyat terhadap masyarakat. (4 markah)
- (iii) Terangkan **dua** pengajaran daripada ayat di atas (4 markah)

(b) Sabda Rasulullah saw:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ قَالَ: لَأَنْ يَخْتَطِبَ أَحَدُكُمْ خُزْمَةً عَلَى ظَهْرِهِ خَيْرٌ لَهُ
مِنْ أَنْ يَسْأَلَ أَحَدًا فَيُعْطِيَهُ أَوْ يَمْنَعَهُ.
(رواية البخاري)

Hadis di atas menjelaskan tentang kemuliaan berdikari.

Berdasarkan hadis di atas,

- (i) Apakah maksud berdikari. (2 markah)
- (ii) Jelaskan kelebihan berdikari. (2 markah)



(iii) Kemukakan pandangan anda untuk mengatasi masalah ini. (4 markah)

(c) Nyatakan **dua** jenis Ibtida'. (2 markah)

2. (a) Ajaran sesat dalam negara kita semakin berleluasa.

(i) Apakah maksud ajaran sesat (2 markah)

(ii) Jelaskan dua ciri ajaran sesat dari aspek akidah. (2 markah)

(iii) Jelaskan kesan melakukan ajaran sesat dari aspek agama. (2 markah)

(iv) Terangkan dua cara menjauhi ajaran sesat. (4 markah)

(b) Al-Raqib merupakan salah satu nama daripada 99 Asmaul Husna

(i) Apakah maksud al-Raqib (2 markah)

(ii) Jelaskan dua bukti Allah SWT bersifat ar-Raqib. (4 markah)

Penggunaan gajet tanpa pengawasan daripada ibu bapa mendedahkan remaja kepada gejala yang tidak sihat seperti ponografi, pergaulan bebas dan hiburan sedangkan mereka mengetahui Allah SWT Maha mengawasi.

(iii) Kemukakan hujah anda mengapa keadaan ini berlaku. (4 markah)

3. (a) Haji merupakan rukun Islam kelima yang menjadi kewajipan ke atas umat Islam.
- (i) Apakah maksud haji? (2 markah)
- (ii) Nyatakan **dua** syarat wajib haji selain daripada berkemampuan. (2 markah)

RANCANG TUNAIKAN HAJI PADA USIA MUDA

MAKKAH: Generasi muda Malaysia dinasihatkan mula merancang untuk menunaikan fardu haji seawal mungkin bagi memudahkan urusan apabila tiba giliran mereka dijemput sebagai duyufurrahman atau tetamu Allah kelak.

Ketua Pakar Rujuk Lembaga Tabung Haji (TH), Datuk Wan Mohamad Abdul Aziz, berkata persepsi bahawa ibadah haji untuk golongan yang lanjut usia, tidak benar sama sekali kerana tiada batas usia dalam syarat wajib mengerjakan rukun Islam kelima itu.

Sumber: Berita Harian | Ogos 1, 2019

- (iii) Pada pandangan anda, mengapakah umat Islam dituntut untuk menyahut seruan di atas? Huraikan hujah anda (4 markah)
- (b) Solat sunat istikharah merupakan salah satu daripada solat sunat dalam Islam.
- (i) Apakah maksud solat sunat istikharah? (2 markah)
- (ii) Terangkan **dua** hikmah mengerjakan solat sunat istikharah. (4 markah)
- (c) Dewasa kini, terdapat pelbagai isu dalam perkahwinan seperti talak, rujuk dan iddah.
- (i) Apakah maksud iddah dari segi istilah (2 markah)
- (ii) Jelaskan tempoh idah bagi situasi berikut :
- a. Isteri yang bercerai hidup dan belum putus haid.
- b. Isteri yang bercerai mati dan belum pernah disetubuhi (2 markah)
- (iii) Jelaskan **dua** larangan yang perlu dipatuhi semasa iddah. (2 markah)

4. (a) Kerajaan Umayyah ditubuhkan selepas Kerajaan Khulafa al Rasyidin
- (i) Senaraikan **dua** orang orang khalifah yang terkenal daripada Kerajaan Umayyah selain daripada pengasas kerajaan tersebut. (2 markah)
 - (ii) Jelaskan **dua** sumbangan Muawiyah Bin Abu Sufian (4 markah)

Keruntuhan moral dalam kalangan khalifah kerana cenderung kepada hiburan dan kekejaman merupakan salah satu punca kemerosotan kerajaan Umayyah.

- (iii) Merujuk kepada pernyataan di atas, bagaimanakah anda dapat mengambil iktibar supaya kemerdekaan Malaysia dapat dikekalkan. (4 markah)
- (b) Ahmad Ibrahim adalah salah seorang cendekiawan negara kita.
- (i) Nyatakan secara ringkas Riwayat hidup Ahmad Bin Ibrahim (3 markah)
 - (ii) Senaraikan **tiga** sumbangan beliau dalam tamadun Islam (3 markah)
 - (iii) Jelaskan **dua** ketinggian akhlak Ahmad Bin Ibrahim. (4 markah)

5. (a) Wasatiyyah membentuk keperibadian ummah cemerlang.
- (i) Apakah maksud wasatiyyah. (2 markah)
 - (ii) Jelaskan **dua** prinsip wasatiyyah dalam aspek keseimbangan. (4 markah)
 - (iii) Terangkan **dua** hikmah melaksanakan prinsip wasatiyyah dalam kehidupan (4 markah)
- (b) Keindahan alam sekitar anugerah Allah SWT.
- (i) Apakah maksud alam sekitar? (2 markah)
 - (ii) Nyatakan **dua** contoh alam sekitar? (2 markah)
 - (iii) Terangkan adab menjaga alam sekitar? (2 markah)



“ALAM SEKITAR BERSIH, RAKYAT SIHAT”

- (iv) Kemukakan pandangan anda untuk menyokong pernyataan di atas. (4 markah)

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

MODUL NAJAH SPM SET 2
PENDIDIKAN ISLAM

Masa: 2 jam 30 Minit

Kertas 1 (1223/1)

(100 Markah)

Jawab *semua* soalan

1 (a) Firman Allah SWT:

قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِكُمْ سُنَنٌ فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ
الْمُكْذِبِينَ (137) هَذَا بَيَانٌ لِلنَّاسِ وَهُدًى وَمَوْعِظَةٌ لِّلْمُتَّقِينَ (138) وَلَا تَهِنُوا
وَلَا تَحْزَنُوا وَأَنْتُمْ الْأَعْلَوْنَ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ (139)

(Surah al- Imran ayat 137-139)

Ayat di atas menerangkan tentang sunnatullah.

Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Apakah maksud sunnatullah? (2 markah)
- (ii) Jelaskan **dua** kepentingan mengkaji sejarah umat-umat terdahulu. (4 markah)
- (iii) Terangkan **dua** pengajaran daripada ayat di atas. (4 markah)

(b) Sabda Rasulullah SAW,

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ يَقُولُ : سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ : كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ الْإِمَامُ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي أَهْلِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ فِي بَيْتِ زَوْجِهَا وَمَسْئُولَةٌ عَنْ رَعِيَّتِهَا وَالْخَادِمُ رَاعٍ فِي مَالِ سَيِّدِهِ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ ، - قَالَ : وَحَسِبْتُ أَنْ قَدْ قَالَ : وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي مَالِ أَبِيهِ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ - وَكُلُّكُمْ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ.

(متفق عليه)

Hadis di atas menjelaskan tentang setiap pemimpin akan disoal mengenai tanggungjawab kepimpinannya.

Berdasarkan hadis di atas,

- (i) Nyatakan **dua** pemimpin yang tersenarai dalam hadis di atas selain imam. (2 markah)
- (ii) Jelaskan **dua** tanggungjawab seorang pelajar seperti anda. (2 markah)

السَّمْعُ وَالطَّاعَةُ عَلَى الْمَرْءِ الْمُسْلِمِ فِيمَا أَحَبَّ وَكَرِهَ، مَا لَمْ يُؤْمَرْ بِمَعْصِيَةٍ، فَإِذَا أُمِرَ بِمَعْصِيَةٍ فَلَا سَمْعَ وَلَا طَاعَةَ

Maksud hadis :

(Wajib atas seorang muslim) mendengar dan mentaati perkara yang dia suka atau benci. Jika tidak disuruh melakukan maksiat. Jika disuruh melakukan maksiat, maka tidak wajib dengar dan tidak wajib taat.

- (iii) Berdasarkan hadis di atas, berikan cadangan anda untuk mewujudkan negara Malaysia yang lebih stabil. (4 markah)
- (c) Nyatakan **dua** dari tiga jenis Qalqalah. (2 markah)

2. (a) Allah SWT akan memberikan azab kepada hamba yang menentang agamanya.
- (i) Apakah maksud al-Muntaqim (2 markah)
 - (ii) Jelaskan dua kefahaman mengenai nama Allah SWT al- Muntaqim (4 markah)

Dan ingatlah pada hari kami timpakan kamu dengan pukulan yang besar. Sesungguhnya kami tetap akan menyiksakan azab yang seberat-beratnya. Merupakan bukti Allah SWT bersifat al-Muntaqim.

- Surah Ad-Dukhan: Ayat 16.

- (iii) Sebagai seorang murid, bagaimanakah anda boleh mengambil iktibar daripada ayat tersebut? (4 markah)
- (b) Fahaman dan ajaran Syiah adalah bercanggah dan menyeleweng daripada ajaran Islam menurut pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.
- (i) Apakah maksud Syiah. (2 markah)
 - (ii) Jelaskan dua prinsip Syiah. (4 markah)

Kesemua empat belas buah negeri di Malaysia telah memfatwakan pengharaman ajaran Syiah. Namun aliran dan fahamannya masih berleluasa dalam kalangan masyarakat.

Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada Bahagian Penyelidikan JAKIM

- (iii) Ramalkan kesan kepada masyarakat akan datang jika umat Islam tidak peka dengan pernyataan di atas. (4 markah)

3. (a) Waktu dhuha adalah waktu selepas antara syuruk dan masuk waktu zohor yang mana kita disunatkan untuk mengerjakan solat dhuha.
- (i) Apakah maksud solat sunat dhuha? (2 markah)
- (ii) Jelaskan hikmah solat sunat dhuha. (2 markah)

“Orang yang sentiasa melakukan solat Dhuha akan dipermudahkan dalam urusan kehidupan mereka”

- (iii) Huraikan hujah anda bagi menyokong pernyataan tersebut. (4 markah)
- (b) Perkahwinan merupakan sunah yang mendatangkan pelbagai hikmah kepada pasangan dan keluarga di antaranya rasa tanggungjawab.
- (i) Jelaskan **dua** tanggungjawab isteri. (2 markah)
- (ii) Terangkan **dua** tanggungjawab suami isteri dari segi akidah. (4 markah)
- (c) Khuluk merupakan keadilan buat isteri dalam sesebuah perkahwinan.
- (i) Apakah maksud khuluk? (2 markah)
- (ii) Jelaskan contoh pembubaran perkahwinan dengan khuluk. (2 markah)
- (iii) Senaraikan **dua** contoh bayaran ganti rugi. (2 markah)

4. (a) Keilmuan Imam Malik diiktiraf oleh seluruh dunia kesarjanaan ilmu Islam sejak beliau masih hidup.
- (i) Nyatakan **dua** guru Imam Malik yang tersohor. (2 markah)
 - (ii) Jelaskan **dua** bukti kesungguhan Imam Malik dalam menuntut ilmu. (4 markah)

Imam Malik mempunyai ketinggian akhlak yang boleh diteladani.

- (iii) Sebagai seorang pelajar, bagaimanakah anda mencontohi ketinggian akhlak Imam Malik untuk menjadi pelajar yang berjaya dan cemerlang? (4 markah)
- (b) Imam Syafie merupakan salah seorang daripada empat orang imam mazhab.
- (i) Nyatakan secara ringkas riwayat hidup Imam Syafie (3 markah)
 - (ii) Senaraikan **tiga** sandaran yang digunakan oleh Imam Syafie untuk mengasaskan mazhab selain daripada Al Quran dan sunnah. (3 markah)
 - (iii) Jelaskan **dua** pengajaran yang boleh anda ambil daripada ketelitian Imam Syafie mengasaskan mazhab demi melahirkan masyarakat yang harmoni. (4 markah)

5. (a) Menjaga dan menziarahi orang sakit merupakan tuntutan dalam Islam.

(i) Jelaskan **dua** adab terhadap orang sakit dari aspek emosi. (2 markah)

(ii) Terangkan **dua** hikmah beradab dengan orang sakit. (4 markah)

Amalan menziarahi orang sakit adalah hak yang mesti ditunaikan buat orang yang sihat. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: *“Hak seorang Muslim terhadap seorang Muslim yang lain ada lima iaitu menjawab salam, menziarahi yang sakit, mengiringi jenazahnya ke perkuburan, menerima undangan dan mendoakan orang yang bersin.”*

(Hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

(iii) Pada pandangan anda, huraikan kesan jika kita mengabaikan tanggungjawab terhadap orang sakit. (4 markah)

(b) Istiqamah jalan menuju mujahadah.

(i) Apakah yang dimaksudkan dengan istiqamah? (2 markah)

(ii) Jelaskan **dua** contoh sifat istiqamah yang diamalkan oleh Rasulullah SAW. (2 markah)

(iii) Jelaskan **dua** cara istiqamah dalam kehidupan seorang muslim. (2 markah)

“Oleh itu hendaklah Engkau (wahai Muhammad) sentiasa tetap teguh di atas jalan yang betul sebagaimana yang telah diperintahkan kepada-Mu”

Surah Hud : ayat 12

(iv) Sebagai seorang murid huraikan hujah anda, bagaimanakah anda dapat memenuhi ayat di atas dalam konteks menuntut ilmu? (4 markah)

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

MODUL NAJAH SPM SET 3
PENDIDIKAN ISLAM

Masa: 2 jam 30 Minit

Kertas 1 (1223/1)

(100 Markah)

Jawab *semua* soalan

1 (a) Firman Allah SWT:

وَذَرِ الَّذِينَ اتَّخَذُوا دِينَهُمْ لَعِبًا وَلَهْوًا وَغَرَّتْهُمُ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا وَذَكَرَ بِهِمْ أَنْ تَبْسَلَ
نَفْسٌ بِمَا كَسَبَتْ لَيْسَ لَهَا مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلِيٌّ وَلَا شَفِيعٌ وَإِنْ تَعْدِلْ كُلُّ عَدْلٍ لَأَ
يُؤْخَذُ مِنْهَا أَُولَئِكَ الَّذِينَ أُبْسِلُوا بِمَا كَسَبُوا لَهُمْ شَرَابٌ مِّنْ حَمِيمٍ وَعَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا
كَانُوا يَكْفُرُونَ (70)

Ayat di atas menerangkan tentang larangan mempersendakan agama..

Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Jelaskan **dua** bentuk perbuatan mempersendakan agama. (2 markah)
- (ii) Jelaskan **dua** cara menjaga kesucian Islam. (4 markah)
- (iii) Terangkan **dua** pengajaran daripada ayat di atas. (4 markah)

(b) Sabda Rasulullah SAW,

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ قَالَ: لَأَنْ يَحْتَطِبَ أَحَدُكُمْ حُرْمَةً عَلَى ظَهْرِهِ خَيْرٌ لَهُ مِنْ
أَنْ يَسْأَلَ أَحَدًا فَيُعْطِيَهُ أَوْ يَمْنَعَهُ.
(رواية البخارى)

Hadis di atas menjelaskan tentang kemuliaan berdikari dan bekerja sendiri.

Berdasarkan hadis di atas,

- (i) Senaraikan **dua** nama rasul berserta pekerjaan mereka. (2 markah)
- (ii) Terangkan **satu** kelebihan berdikari kepada masyarakat. (2 markah)

“Tidak memakan seseorang sesuatu makanan yang lebih baik daripada memakan daripada hasil kerja tangannya sendiri dan sesungguhnya Nabi Daud (a.s) makan daripada hasil kerja baginda sendiri.”

(Hadis Riwayat al-Bukhari)

- (iii) Berdasarkan hadis di atas, kemukakan hujah anda untuk membuktikan kebaikan bekerja sendiri. (4 markah)
- (c) Nyatakan **dua** jenis mad lazim. (2 markah)
- 2 (a) Allah SWT mempunyai 99 nama. Salah satunya ialah Al-Jabbar.
- (i) Apakah maksud al-Jabbar. (2 markah)
- (ii) Apakah hukum beriman dengan sifat al-Jabbar. (2 markah)
- (iii) Allah SWT adalah tuhan yang memiliki dan menguasai seluruh alam.
Berikan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas. (4 markah)
- (iv) Jelaskan **dua** cara anda beriman dengan al-Jabbar Allah SWT. (2 markah)
- (b) Terdapat segelintir pihak mendakwa kelompok Daesh dan ISIS itu sebagai Khawarij. Sedangkan Khawarij itu telah lama luput ditelan zaman.
- (i) Apakah maksud Khawarij. (2 markah)
- (ii) Jelaskan **dua** prinsip utama Khawarij. (4 markah)
- (iii) Huraikan pandangan khawarij dalam isu berikut: (4 markah)
- a- Kedudukan Iman
 - b- Pelaku dosa besar

- 3 (a) Muamalat Islam berperanan mewujudkan masyarakat yang aman dan sejahtera.
- (i) Nyatakan **dua** unsur yang diharamkan dalam muamalat Islam. (2 markah)
- (ii) Jelaskan **dua** syarat perkara yang diadakan dalam muamalat Islam. (2 markah)
- (iii)
- Elak Jadi Mangsa Skim Cepat Kaya – (SC)**

KUALA LUMPUR: Orang ramai diingatkan agar tidak mudah terpengaruh dengan pelbagai penganjuran skim cepat kaya yang tidak masuk akal bagi mengelakkan menjadi mangsa penipuan oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Penolong Pengurus Besar Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), Kamarul Rozman Nordin berkata dengan kemajuan Teknologi yang semakin canggih, pelbagai skim berkaitan muncul di platform media sosial dan menggunakan pendekatan seperti WhatsApp, khidmat pesanan ringkas (SMS), e-mel dan panggilan telefon untuk berhubung dengan mangsa.
- Berdasarkan keratan artikel di atas, pada pandangan anda, (4 markah)
mengapakah masih ramai yang terjebak dengan skim tersebut?
- (b) Solat sunat tasbeih merupakan solat sunat khusus yang mengandungi bacaan tasbeih.
- (i) Berapakah jumlah tasbeih yang dibaca pada keseluruhan solat tersebut? (2 markah)
- (ii) Terangkan **dua** hikmah mengerjakan solat sunat tasbeih. (4 markah)
- (c) Wasiat adalah perkara yang perlu dititikberatkan untuk kebahagiaan dan keharmonian keluarga.
- (i) Apakah maksud wasiat. (2 markah)
- (ii) Senaraikan **dua** rukun wasiat selain daripada harta yang diwasiatkan. (2 markah)
- (iii) Jelaskan **dua** syarat sah harta yang diwasiatkan. (2 markah)

4 (a) Kerajaan Abbasiyah telah dipimpin oleh 37 orang khalifah.

(i) Siapakah khalifah yang menjadikan *Baitul Hikmah* sebagai ‘Pusat Penterjemahan Negara? (2 markah)

(ii) Jelaskan **dua** faktor kegemilangan kerajaan Abbasiyah dari aspek sosial . (4 markah)

Kerajaan Abbasiyah yang terbina selama 524 tahun mempunyai keluasan pemerintahan meliputi sebahagian besar Benua Afrika, Asia dan Eropah. Namun begitu kekuatan kerajaan ini runtuh dan terkubur selepas diserang oleh tentera Monggol yang diketuai oleh Hulagu Khan.

(iii) Berdasarkan pernyataan di atas, nyatakan iktibar di sebalik kejatuhan kerajaan Abbasiyah yang boleh diambil oleh generasi hari ini. (4 markah)

(b) Salahuddin Al-Ayubi ialah seorang tokoh yang disegani dalam sejarah Islam.

(i) Nyatakan secara ringkas riwayat hidup Salahuddin Al-Ayubi. (3 markah)

(ii) Jelaskan **tiga** sifat peribadi yang menunjukkan ketinggian akhlak beliau. (3 markah)

(iii) Terangkan **dua** sumbangan Salahuddin al Ayyubi dalam aspek pentadbiran. (4 markah)

5 (a) Bersikap benar menjauhkan kemunafikan. (2 markah)

(i) Apakah maksud bersikap benar?

(ii) Jelaskan **dua** cara bersikap benar ketika berjanji. (4 markah)

(iii)

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا
Maksudnya : “Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah, dan katakanlah perkataan yang tepat - benar (dalam segala perkara)”
(Surah al-Ahzab : Ayat 70)

Berdasarkan pernyataan di atas, bagaimana anda mengaplikasikan bersikap benar di dalam kehidupan seharian? (4 markah)

(b) Sifat mazmumah wajib dihindari.

(i) Apakah maksud riak. (2 markah)

(ii) Jelaskan **dua** contoh sifat ujub. (2 markah)

(iii) Jelaskan **dua** kesan mengamalkan sifat mazmumah. (2 markah)

(iv)

" Jika kita berkawan dengan penjual minyak wangi kita akan berbau wangi, dan jika berkawan dengan tukang besi kita akan terasa bahangnya."

Kemukakan pandangan anda untuk menyokong pernyataan di atas (4 markah)

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

**MODUL NAJAH SPM SET 4
PENDIDIKAN ISLAM**

Masa: 2 jam 30 Minit

Kertas 1 (1223/1)

(100 Markah)

Jawab *semua* soalan

1 (a) Firman Allah SWT:

يَأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ
أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْوَىٰ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Surah al-Hujurat : 13

Ayat di atas menerangkan tentang tuntutan kepada umat Islam saling mengenali antara satu sama lain dalam kalangan pelbagai bangsa dan kaum.

Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Berikan sebab turunnya ayat di atas. (2 markah)
- (ii) Jelaskan **dua** keutamaan takwa. (4 markah)
- (iii) Terangkan **dua** pengajaran daripada ayat di atas. (4 markah)

(b) Sabda Rasulullah SAW,

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ:
أَجْتَنِبُوا السَّبْعَ الْمُوبِقَاتِ قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَا هُنَّ؟ قَالَ: الشَّرْكَ بِاللَّهِ وَالسَّحْرُ،
وَقَتْلُ النَّفْسِ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ، وَأَكْلُ الرَّبَا، وَأَكْلُ مَالِ الْيَتِيمِ، وَالتَّوَلَّى يَوْمَ
الرَّحْفِ، وَقَذْفُ الْمُحْصَنَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ الْغَافِلَاتِ

(متفق عليه)



Hadis di atas menjelaskan tentang dosa-dosa besar yang patut di jauhi.
Berdasarkan hadis di atas,

- (i) Senaraikan **dua** dosa besar yang terdapat di dalam hadis di atas selain makan harta anak yatim. (2 markah)
- (ii) Jelaskan **satu** contoh perbuatan makan harta anak yatim. (2 markah)

Firman Allah SWT:

“Sesungguhnya orang-orang yang memakan harta anak-anak yatim secara zalim, sebenarnya mereka itu hanyalah menelan api ke dalam perut mereka; dan mereka pula akan masuk ke dalam api neraka yang menyala-nyala.”

(Surah al-Nisa’: 10)

- (iii) Berdasarkan terjemahan ayat di atas, Islam memandang berat perbuatan makan harta anak yatim. Huraikan hujah anda bagi menjelaskan keadaan ini. (4 markah)
- (c) Nyatakan cara bacaan wakaf yang bertanda , (2 markah)
- i. 
- ii. 

- 2 (a) Menjadi kewajipan kepada ummat Islam untuk memelihara iman daripada terbatal.
- (i) Nyatakan **dua** cara iman seseorang boleh terbatal. (2 markah)
- (ii) Senaraikan **dua** iktikad yang membatalkan iman selain aspek uluhiyyah. (2 markah)
- (iii) Iman boleh terbatal melalui perkataan, antaranya melalui penafian akidah.
- Jelaskan **dua** contoh penafian akidah Islam. (2 markah)
- (iv)

Ali telah menjalankan perniagaan restoran selama beberapa tahun. Pendapatannya semakin hari semakin berkurang. Kawannya mencadangkan agar Ali mendapatkan bantuan bomoh untuk menarik lebih ramai orang ke restorannya.

- Sebagai seorang rakan, apakah tindakan yang wajar anda lakukan dalam situasi ini? Huraikan (4 markah)
- (b) Al-Raqib ialah nama Allah SWT yang menunjukkan Allah SWT Maha mengawasi semua perbuatan dan keadaan makhluk.
- (i) Jelaskan **dua** kefahaman yang menunjukkan Allah SWT mengawasi manusia. (2 markah)
- (ii) Jelaskan **dua** kesan beriman kepada sifat Al-Raqib. (4 markah)
- (iii) Terangkan **dua** cadangan untuk menunjukkan seseorang itu beriman dengan sifat Allah SWT ar-Raqib. (4 markah)
- 3 (a) Pelaksanaan haji dan umrah mampu mendidik umat Islam menjadi lebih berdisiplin dan bertanggungjawab.
- (i) Senaraikan **dua** rukun haji? (2 markah)
- (ii) Jelaskan perbezaan antara haji dan umrah dari aspek waktu. (2 markah)
- (iii)

Saie merupakan salah satu daripada rukun haji dan umrah. Ibadat ini mengingatkan tentang peristiwa Siti Hajar yang berulang berlari kerana mencari air buat anaknya Nabi Ismail a.s.
--
- Pada pandangan anda, bagaimanakah iktibar daripada amalan di atas dapat membentuk jati diri murid dalam kehidupan harian? (4 markah)

- (b) Kejadian gerhana bulan dan matahari merupakan salah satu tanda kebesaran Allah SWT.
- (i) Apakah maksud solat sunat gerhana? (2 markah)
 - (ii) Jelaskan **empat** amalan yang dianjurkan ketika berlaku gerhana. (4 markah)
- (c) Hukum takzir sebagai panduan kepada manusia menyelesaikan masalah jenayah dalam Islam.
- (i) Apakah maksud hukum takzir? (2 markah)
 - (ii) Nyatakan **dua** contoh hukuman takzir (2 markah)
 - (iii) Jelaskan **dua** hikmah hukuman jenayah dalam Islam. (2 markah)

4 (a) Imam Ahmad Bin Hanbal dilahirkan di Baghdad.

- (i) Nyatakan riwayat hidup Imam Ahmad Bin Hanbal selain tempat lahir beliau. (3 markah)
- (ii) Senaraikan **tiga** hasil karya Imam Ahmad Bin Hanbal. (3 markah)
- (iii)

Imam Ahmad Bin Hanbal adalah seorang yang kuat beribadah nawafil

Pada pendapat anda, bagaimanakah ibadah nawafil membantu menjamin kejayaan seseorang dalam pelajaran? (4 markah)

(b) Imam Abu Hanifah adalah salah seorang Imam empat mazhab.

- (i) Nyatakan **tiga** riwayat hidup Imam Abu Hanifah. (3 markah)
- (ii) Jelaskan **tiga** sumbangan beliau dalam tamadun Islam. (3 markah)
- (iii) Jelaskan **dua** iktibar daripada kesungguhan Imam Abu Hanifah dalam menuntut ilmu. (4 markah)

- 5 (a) Sifat khauf dan raja' dapat mendisiplinkan manusia.
- (i) Apakah maksud khauf. (2 markah)
 - (ii) Jelaskan **dua** konsep khauf dan raja' yang seimbang. (4 markah)
 - (iii) Terangkan **dua** hikmah terhadap individu yang menghayati sifat khauf dan raja'. (4 markah)
- (b) Alam sekitar khazanah dari Allah SWT.
- (i) Jelaskan **dua** adab menjaga alam sekitar (2 markah)
 - (ii) Jelaskan kepentingan menjaga alam sekitar. (2 markah)
 - (iii) Terangkan hikmah beradab menjaga alam sekitar. (2 markah)
 - (iv)

" Hari Alam Sekitar disambut pada 21-27 Oktober setiap tahun. Tujuannya untuk meningkatkan kesedaran masyarakat agar menghargai alam sekitar".
- Berdasarkan pernyataan di atas, huraikan pandangan anda tentang peranan individu bagi merealisasikan hasrat tersebut. (4 markah)

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

**PERATURAN PEMARKAHAN
MODUL NAJAH SPM SET 1
PENDIDIKAN ISLAM**

No. Soalan			Jawapan	Markah
1	(a)	(i)	Maksud fiqh aulawiyyat ialah mengutamakan perkara yang sepatutnya didahulukan / berdasarkan prinsip syarak.	1 x 2m = 2m
		(ii)	<p>Dua kepentingan Fiqh al-Aulawiyyat terhadap <u>masyarakat</u>.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mewujudkan kesejahteraan sosial dalam melestarikan pengurusan kehidupan. - Menyeimbangkan kehidupan masyarakat dalam pelaksanaan tuntutan syariat. - Mewujudkan masyarakat yang sistematik menguruskan sistem kehidupan yang cekap <p><i>Jawapan Munasabah diterima</i></p>	2 x 2m = 4m
		(iii)	<p>Dua pengajaran daripada ayat di atas.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kita hendaklah sentiasa meningkatkan keimanan kepada Allah SWT dan hari akhirat(1m) kerana keimanan ialah kunci penerimaan segala ibadat.(1m) - Kita hendaklah sentiasa berazam untuk berjihad dengan tenaga dan harta (1m) supaya kita mendapat ganjaran yang besar di sisi Allah SWT. (1m) - Kita hendaklah sentiasa berhijrah kepada yang lebih baik (1m) supaya menjadi insan yang produktif. (1m) - Kita hendaklah sentiasa berlumba-lumba untuk melakukan kebaikan (1m) kerana kebaikan itu akan diberi ganjaran pada hari akhirat. (1m) 	1 isi 1 huraian 2 x 2m = 4m
	(b)	(i)	<p>Maksud berdikari ialah :</p> <p>Berusaha sendiri /dan tidak bergantung pada bantuan orang lain</p>	1x2m = 2m
		(ii)	<p>Kelebihan berdikari.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menjadikan Islam dipandang tinggi kerana umatnya rajin berusaha - Mendapat sumber pendapatan yang diyakini halal. - Melahirkan modal insan yang berkepakaran tinggi melalui penerokaan ilmu dan kemahiran - Memperkasakan daya saing masyarakat untuk mempertingkatkan taraf kehidupan 	1x2m = 2m

		(iii)	<p>Rubrik penskoran:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Kriteria</th> <th>Skor</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>- Menyatakan isi sahaja.</td> <td>1m</td> </tr> <tr> <td>- Menjelaskan isi berserta huraian ringkas</td> <td>1m</td> </tr> <tr> <td>- Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi.</td> <td>1m</td> </tr> <tr> <td>- Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td> <td>1m</td> </tr> </tbody> </table> <p>Cadangan isi:</p> <p>Berusaha untuk melakukan pekerjaan sendiri seperti berniaga secara dalam talian (isi 1m).Ini membolehkan para siswazah mendapat pendapatan sampingan sebelum mendapat pekerjaan tetap (huraian 1m). Kesannya masalah pengangguran dapat dikurangkan (huraian lanjut 1m). Oleh itu para siswazah perlu berusaha untuk mencipta peluang pekerjaan sendiri selain mengharapkan tawaran pekerjaan dari pihak swasta dan kerajaan. (kesimpulan 1m).</p> <ul style="list-style-type: none"> - mengusahakan tanah terbiar. - tidak terlalu memilih bidang pekerjaan. 	Kriteria	Skor	- Menyatakan isi sahaja.	1m	- Menjelaskan isi berserta huraian ringkas	1m	- Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi.	1m	- Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.	1m	(4 markah)
Kriteria	Skor													
- Menyatakan isi sahaja.	1m													
- Menjelaskan isi berserta huraian ringkas	1m													
- Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi.	1m													
- Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.	1m													
		c	<p>Dua jenis ibtida' ialah:</p> <p>a. Ibtida' Hasan</p> <p>b. Ibtida' Qabih</p>	2 x 1m = 2m										
2	(a)	(i)	<p>Maksud ajaran sesat ialah:</p> <p>Ajaran yang didakwa sebagai ajaran Islam sedangkan hakikatnya bercanggah dengan al-Quran dan al-Sunnah.</p>	1 x 2m = 2m										
		(ii)	<p>Dua ciri ajaran sesat dari aspek akidah ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mengaku menjadi nabi atau rasul - Mendakwa diri atau gurunya sebagai Imam Mahdi - Memuja makhluk untuk mendapat sesuatu kelebihan - Mendakwa gurunya boleh menebus dosa. 	2 x 1m = 2m										

		(iii)	<p>Kesan melakukan ajaran sesat dari aspek agama ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Melemahkan iman dan merosakan akidah - Menjatuhkan imej umat Islam. 	2 x 1m = 2m										
		(iv)	<p>Dua cara menjauhi ajaran sesat ialah :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mempelajari akidah yang sebenar berdasarkan manhaj Ahli Sunnah Waljamaah supaya hidup selamat dunia akhirat - Berdoa memohon petunjuk agar sentiasa berada di jalan yang benar. - Memastikan amalan yang dilakukan benar-benar mengikut panduan al-Quran dan al-Sunnah agar amalan diredhai Allah SWT. 	2 x 2m = 4m										
2	(b)	(i)	Maksud ar-Raqib ialah nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha mengawasi semua perbuatan dan keadaan makhluk.	1 x 2m = 2m										
		(ii)	<p>Dua bukti Allah SWT bersifat ar-Raqib ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Allah SWT Maha Mengawasi manusia dalam aspek kepatuhan kepada perintah dan larangan-Nya. - Allah SWT sentiasa mengawasi manusia dalam aspek hubungan sesama manusia 	2 x 2m = 4m										
		(iii)	<p>Rubrik penskoran:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">Kriteria</th> <th style="text-align: center;">Skor</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>- Menyatakan isi sahaja.</td> <td style="text-align: center;">1m</td> </tr> <tr> <td>- Menjelaskan isi berserta huraian ringkas</td> <td style="text-align: center;">1m</td> </tr> <tr> <td>- Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi.</td> <td style="text-align: center;">1m</td> </tr> <tr> <td>- Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td> <td style="text-align: center;">1m</td> </tr> </tbody> </table> <p>Cadangan isi:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kurang iman dalam diri / didikan agama - Terpengaruh dengan rakan siber / budaya barat - Ibu bapa sibuk bekerja / kurang kasih sayang - Perkembangan teknologi semasa terutama penggunaan gajet. 	Kriteria	Skor	- Menyatakan isi sahaja.	1m	- Menjelaskan isi berserta huraian ringkas	1m	- Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi.	1m	- Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.	1m	(4 markah)
Kriteria	Skor													
- Menyatakan isi sahaja.	1m													
- Menjelaskan isi berserta huraian ringkas	1m													
- Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi.	1m													
- Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.	1m													

3	(a)	(i)	Maksud haji: Mengunjungi Baitullah al-Haram pada bulan-bulan haji / untuk mengerjakan ibadat tertentu menurut syarat-syaratnya.	1 x 2m = 2m										
		(ii)	Dua syarat wajib haji selain berkemampuan: <ul style="list-style-type: none"> - Islam - Baligh - Berakal - Merdeka 	2 x 1m = 2m										
		(iii)	Mengapakah umat Islam dituntut untuk menyahut seruan di atas. Rubrik penskoran:											
			<table border="1" style="width: 100%;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">Kriteria</th> <th style="text-align: center;">Skor</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>- Menyatakan isi sahaja.</td> <td style="text-align: center;">1m</td> </tr> <tr> <td>- Menjelaskan isi berserta huraian ringkas</td> <td style="text-align: center;">1m</td> </tr> <tr> <td>- Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi.</td> <td style="text-align: center;">1m</td> </tr> <tr> <td>- Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td> <td style="text-align: center;">1m</td> </tr> </tbody> </table> Cadangan isi: <ul style="list-style-type: none"> - Tenaga yang kuat melaksanakan ibadat / kekuatan fizikal - Kesihatan yang baik menunaikan kewajipan 	Kriteria	Skor	- Menyatakan isi sahaja.	1m	- Menjelaskan isi berserta huraian ringkas	1m	- Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi.	1m	- Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.	1m	4m
Kriteria	Skor													
- Menyatakan isi sahaja.	1m													
- Menjelaskan isi berserta huraian ringkas	1m													
- Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi.	1m													
- Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.	1m													
3	(b)	(i)	Maksud solat sunat istikharah : Solat yang dilakukan untuk memohon petunjuk Allah / dalam menentukan pilihan bagi sesuatu perkara	1 x 2m = 2m										
		(ii)	Dua hikmah mengerjakan solat sunat istikharah. <ul style="list-style-type: none"> - Meningkatkan keimanan kepada Allah SWT (1m) kerana menjadikan Allah SWT sebagai tempat pergantungan.(1m) - Mendidik umat Islam (1m) agar sentiasa memohon sesuatu kepada Allah SWT terutama dalam membuat keputusan.(1m) - Menjauhkan diri daripada perbuatan syirik (1m) dengan memohon bantuan selain daripada Allah SWT 	2 x 2m = 4m 1m isi 1m huraian										

			seperti bomoh.(1m)											
3	(c)	(i)	Maksud iddah dari segi istilah : Tempoh masa yang perlu dilalui oleh seorang isteri selepas pembubaran perkahwinan atau selepas kematian suami.	1 isi x 2m = 2m										
		(ii)	Tempoh idah a. 3 kali suci b. Tiada iddah	2 isi x 1m = 2m										
		(iii)	Dua larangan yang perlu dipatuhi semasa iddah: - Menerima pinangan lelaki lain secara terang atau kiasan. - Keluar dari rumah yang disediakan oleh suami. - Berhias diri kecuali wanita yang dalam iddah raj'ie.	2 isi x 1m = 2m										
4	(a)	(i)	Dua orang orang khalifah yang terkenal daripada Kerajaan Umayyah selain daripada pengasas kerajaan tersebut ialah: - Abdul Malik Bin Marwan - Al Walid Bin Abdul Malik - Umar Bin Abdul Aziz	2 x 1m = 2m										
